

07/02/2003

Umno Kelantan mungkin kemuka calon lebih awal

JELI: Badan Perhubungan Umno Kelantan tidak menolak kemungkinan menamakan calon pilihan raya lebih awal bagi membolehkan rakyat negeri ini mempunyai

banyak masa untuk mengenali dan berasa selesa mendekati pemimpin mereka.

Pengerusinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata cadangan itu dikemukakan sebahagian besar Ketua Umno bahagian di Kelantan yang berpendapat pelaksanaannya boleh membantu parti mengukuhkan kedudukannya.

Sehubungan itu, katanya, saranan berkenaan akan dirujuk kepada Presiden

Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi, untuk dibincangkan dari segala aspek sebelum keputusan muktamad diambil.

"Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membawa perkara ini kepada pucuk pimpinan tertinggi parti dan jika mendapat restu (Presiden Umno dan

Timbalannya), sudah pasti kita akan laksanakan.

"Ramai yang berpendapat penamaan awal itu boleh memberi kelebihan dari segi pendedahan hubungan antara pemimpin dengan rakyat, di samping dapat menanam keyakinan pengundi.

"Selain itu, mereka menyifatkan ia boleh membantu parti dan memudahkan kerja serta persiapan jentera bagi menghadapi pilihan raya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau Program Jiwa Murni membabitkan rawatan perubatan dan pergigian bergerak secara percuma

anjuran Kementerian Pertahanan di Kampung Sungai Long, dekat sini, semalam.

Selain penduduk tempatan, kira-kira 100 masyarakat Orang Asli dari penempatan Sungai Rual berhampiran, termasuk kanak-kanak turut mendapatkan perkhidmatan itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, gerakan jentera pilihan raya Umno negeri sudah bergerak mengikut perancangan dan sentiasa berada dalam bersedia untuk menghadapi siren pilihan raya.

"Kita sudah membentuk jentera pilihan raya dan ia dijangka dapat digerakkan sepenuhnya dalam tempoh dua hingga tiga bulan lagi.

"Sekarang ini pun kita sudah lancarkan pelbagai program dan yang paling

aktif ialah gerakan penerangan bersama rakyat berhubung pelbagai isu semasa yang didapati berjalan lancar.

"Selain itu, Wanita Umno dan Puteri Umno juga terus aktif menjalankan aktiviti mereka, manakala kedatangan pemimpin Kerajaan Pusat terutama Perdana Menteri baru-baru ini banyak memberi perangsang dan dorongan untuk

kita terus bekerja kuat," katanya.

Semalam, Dr Mahathir ketika dalam satu wawancara dengan Reuters,

dilaporkan menolak spekulasi bahawa beliau akan mengadakan pilihan raya umum sebelum meletakkan jawatan pada Oktober ini.

Sebaliknya, beliau menegaskan tarikh pilihan raya akan diputuskan Abdullah selaku penggantinya.

Mustapa berkata, anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno juga sudah diarahkan supaya berada dalam gerakan pilihan raya dan ditugaskan memantau bahagian tertentu bagi memastikan kemenangan berpihak kepada Barisan Nasional (BN).

Mengenai pembukaan cawangan baru bagi bekas penyokong Pas yang kini sudah bersama Umno, beliau berkata, adalah lebih baik jika mereka terbabit berdaftar dengan cawangan sedia ada, selaras usaha memupuk perpaduan sesama ahli.

"Kita berterima kasih kepada mereka yang mulai berjinak-jinak dan mendekati Umno, malah berharap lebih ramai menyertai Umno supaya arus perubahan yang dirasakan dapat diteruskan untuk membolehkan nasib rakyat terus dibela," katanya.